

Kes jenayah dan gejala sosial itu seperti rogol, penagih dahan dan kes sumbang mahram yang keban-

Sebagaimana biasa antara punca mereka menagih kerana dipengaruhi kawan-kawan iaitu 88.28 peratus

lalu, berbanding 26.71% dengan 55 tangga tahun 2000 dan 6,400 dengan 27 tangkapannya. Kita memang bersetuju dengan kata-kata K.

Mei 31

# Kuktem: 10,000 pelajar kejuruteraan menjelang 2010

**K**UANTAN 31 Mei — Kampus tetap Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (Kuktem) di Kuala Pahang dekat Pekan mampu menampung kapasiti 10,000 pelajar kejuruteraan apabila beroperasi sepenuhnya pada 2010.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Multimedia Pahang, Datuk Maznah Mazlan berkata, buat permulaan Kuktem akan membuat pengambilan 360 pelajar tahun ini dan 1,010 orang tahun depan.

"Mereka mengikuti tiga kursus diploma dan empat kursus peringkat ijazah

sarjana muda. Jumlah kursus yang ditawarkan ditingkatkan dari semasa ke semasa," katanya ketika dihubungi hari ini.

Katanya, jumlah pengambilan pelajar akan meningkat kepada 2,440 orang pada tahun 2004, 3,700 pelajar pada tahun 2005 dan pada tahun 2007 sebanyak 7,010 pelajar akan diambil.

"Kami berharap pelajar merebut peluang melanjutkan pelajaran ke kolej universiti ini yang menyediakan peluang pendidikan kejuruteraan terbaik," katanya.

Maznah menambah, buat permulaan

Kuktem akan menggunakan kemudahan kampus Universiti Teknologi Malaysia (UTM) cawangan Pahang di Desa Samudera, Bandar Indera Mahkota di sini.

## Pengajian

Katanya, operasinya akan dipindahkan ke Bandar MEC di Jalan Gambang di sini apabila tiba masa yang sesuai nanti.

"Ini kerana kampus UTM itu hanya mampu menampung keperluan pengajian bagi semester 1, sesi 2002/2003 sahaja," jelas beliau.

Mengenai kakitangan, beliau berkata, Kuktem akan memiliki 570 kakitangan meliputi 380 kakitangan akademik dan 190 kakitangan sokongan menjelang 2005.

"Jumlahnya akan meningkat kepada 1,860 orang pada 2010 iaitu meliputi 1,240 kakitangan akademik dan 620 kakitangan sokongan," ujarnya.

Jemaah Menteri tahun lalu memutuskan Kuktem berteraskan teknologi dengan kemahiran bagi melahirkan tenaga kerja mahir.